

TUDM DAN RAAF MEMPERTINGKAT KERJASAMA DALAM PEMINDAHAN ALAT GANTI PESAWAT F/A-18

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3519-majlis-menandatangani-penyerahan-alat-ganti-pesawat-f-a-18-hornet-dari-royal-australian-airforce

KUALA LUMPUR, 4 Jun 18 - Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan *Royal Australian Air Force* (RAAF) telah menandatangani perakuan pemindahan (*Certificate of Transfer*) bagi alat-alat ganti pesawat F/A-18 Hornet (Model A to D) milik TUDM dalam sebuah majlis yang dilaksanakan di Markas Tentera Udara, Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur.

Majlis menandatangani dokumen perakuan ini telah membabitkan Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM dan *Chief of Australian Army, Lieutenant General Angus Campbell* yang mewakili *Chief of The Defence Force Australia*.

Perakuan pemindahan ini sekaligus telah membuktikan jalinan kerjasama yang erat di dalam perkongsian teknologi di antara kedua-dua buah angkatan udara iaitu TUDM dan RAAF serta memperkuuh hubungan baik antara Malaysia dan Australia di dalam Industri Pertahanan.

Lieutenant General Angus Campbell dalam ucapannya turut merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada TUDM di atas sambutan Hari TUDM ke-60 pada 1 Jun 18 yang lalu serta mengharapkan agar jalinan kerjasama yang sedia terbina ini akan terus utuh di masa hadapan.

Majlis yang penuh bersejarah ini turut dihadiri dan disaksikan oleh Lettenan Jeneral Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM, Timbalan Panglima Tentera Udara, Lettenan Jeneral Dato' Sri Hj Abdul Mutualib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM, Panglima Operasi Udara dan Pegawai-pegawai Kanan TUDM yang lain serta *Group Captain Wendy Horder, Australian Defence Attache* di Malaysia.



